

## PENDAHULUAN

### 1. Latar Belakang Masalah

Hadith atau disebut juga Sunnah, adalah segala sesuatu yang bersumber atau disandarkan kepada Nabi s.a.w. sama ada berupa perkataan, perbuatan atau *taqrir* (perakuan) baginda. Ia merupakan sumber kedua Islam selepas daripada al-Qur`an yang memainkan peranan penting dalam mentafsir, memberi maklumat lanjut, memudahkan kefahaman, membongkar kekeliruan, mendatangkan hukum dan perkara-perkara penting untuk kehidupan manusia di muka bumi ini.

Semenjak daripada zaman Rasulullah s.a.w. para sahabat r.a. berusaha mendengar, menghafal dan mempraktikkan segala ajaran dan sunnah Rasulullah s.a.w. dalam kehidupannya sehari-hari dan seterusnya pada zaman tabi'in yang mengambil hadith-hadith secara *talaqqi* daripada mulut para sahabat r.a., proses ini berlaku sehingga kepada zaman bermulanya pengumpulan, penyusunan, dan pembukuan hadith-hadith Rasulullah s.a.w., dari sinilah terhasil karya-karya yang terkenal dalam bidang hadith seumpama *Sahīḥ al-Bukhārī*, *Sahīḥ Muslim*, kitab-kitab *Sunan al-Arba'ah*, *Sahīḥ Ibn Khuzaymah*, *Sahīḥ Ibn Ḥibbān*, *Mustadrak al-Ḥākim*, kitab *al-Muṣannaf*, *al-Musnad* dan banyak lagi. Setiap daripada kitab-kitab ini mempunyai kaedah-kaedah penulisan dan penyusunan yang tersendiri, sedikit sebanyak membezakan antara satu dengan yang lain.

Ulama-ulama yang datang terkemudian sehingga ke zaman ini menggunakan hadith-hadith yang disusun oleh ulama-ulama besar Islam. Mereka menggunakan dan menukilkan hadith-hadith ini dalam berbagai bidang, termasuklah dalam bidang tafsir al-Qur`an, iaitu dalam menjelaskan makna daripada ayat-ayat al-Qur`an, yang mana di

antara metode terbaik dalam mentafsirkan al-Qur`an ialah mentafsirkan al-Qur`an dengan Hadith. Namun para ulama dalam menukilkan hadith menggunakan cara dan pendekatan yang berlainan. Ada di antara mereka yang menukilkan hadith dengan menyebutkan sumbernya dan ada juga yang menukilkannya tanpa menyatakan sumber dan darjat sesuatu hadith tersebut. Kedudukan darjat sesuatu hadith itu amat penting diketahui terutamanya pada zaman serba moden ini agar kecelaruan, kesalahfahaman dan pendalilan kepada sesuatu yang lemah dapat dijauhi. Olehnya itu, perkara ini jelas menunjukkan kepentingan takhrij hadith sebagai suatu ilmu yang dapat membongkar asal usul sesuatu hadith berserta darjatnya.

Di antara karya-karya ulama Nusantara yang tak kalah pentingnya dikaji ialah tafsir *Marāḥ Labīd* karya Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantānī al-Jāwī,<sup>1</sup> di mana beliau tidak menjelaskan kedudukan dan darjat hadith-hadith yang beliau muatkan dalam tafsirnya. Di samping itu juga tafsir ini adalah di antara karya yang dihasilkan pada abad 19 M yang telah menjadi bahan rujukan dan bacaan di beberapa pondok pesantren di Indonesia, alam Melayu bahkan di dunia Islam.

Mengkaji Hadith-hadith dalam surah al-Baqarah amat penting kerana ia menghimpun sebahagian besar daripada hukum-hakam syariat Islam, seperti rukun Iman, rukun Islam, muamalah, jihad, kisah-kisah tauladan para nabi dan utusan Allah s.w.t. dan sebagainya. Di samping itu juga ia adalah surah terpanjang dalam al-Qur`an. Dengan mengkaji hadith-hadith yang terdapat dalam tafsir *Marāḥ Labīd*, dengan sendirinya akan menyingkap dan membongkar hakikat tafsir ini, apakah ia dapat dijadikan rujukan utama dalam tafsir atau sebaliknya, kerana penukilan hadith yang sah sangat menentukan keautentikan sebuah tafsir.

Dengan demikian, tajuk ini dirasa perlu dianalisis dalam suatu kajian ilmiah.

---

<sup>1</sup> Selepas ini akan disebut Syeikh Nawawi.

## **2. Pernyataan Masalah Kajian**

Kajian ini akan menjawab beberapa permasalahan berlandaskan persoalan di bawah iaitu:

- a. Apakah kedudukan hadith dalam tafsir al-Qur`an?
- b. Apakah latar belakang Syeikh Nawawi dan khazanah yang beliau tinggalkan berupa ilmu pengetahuan, terutama dalam bidang tafsir?
- c. Bagaimana perkembangan penulisan karya tafsir di Indonesia semenjak masuknya Islam sehingga abad ke-19 M?
- d. Apakah latar belakang penulisan kitab tafsir *Marāḥ Labīd*? Bilakah kitab tersebut ditulis, dicetak dan diterbitkan?
- e. Bagaimanakah status hadith-hadith yang dinukilkikan oleh Syeikh Nawawi dalam tafsirnya? Adakah hadith-hadith tersebut dapat diterima pakai dari sudut kesahihan sanad dan matan?

## **3. Objektif Kajian**

Objektif yang hendak dicapai dalam disertasi ini ialah:

- a. Menghuraikan kedudukan hadith dalam tafsir al-Qur`an.
- b. Mendedahkan secara ringkas fakta-fakta mengenai peribadi tokoh Syeikh Nawawi demi mengetahui dengan tepat sumbangan beliau kepada khazanah keilmuan Islam.
- c. Memperkenalkan kitab tafsir *Marāḥ Labīd* dan menjelaskan perkembangan penulisan karya tafsir di Indonesia semenjak masuknya Islam sehingga abad ke-19 M.
- d. Mengenal pasti status hadith yang terdapat dalam tafsir *Marāḥ Labīd*, sama ada berstatus sahih, hasan, lemah ataupun *mawḍū'* dengan memberikan ulasan secara terperinci terhadap hadith yang berstatus *da'if* dan *mawḍū'*.

#### **4. Kepentingan Kajian**

Di antara kepentingan kajian ini adalah:

- a. Memartabatkan ulama Nusantara dengan memperkenalkan riwayat hidup Syeikh Nawawi dan sumbangannya dalam menyebarkan ilmu-ilmu keislaman khususnya dalam bidang tafsir dan hadith.
- b. Memperkenalkan karya monumental Syeikh Nawawi dalam bidang tafsir dan mengemukakan bentuk-bentuk penukilan riwayat dan hadith dalam tafsirnya.
- c. Menyingkap keautentikan tafsir *Marāḥ Labīd* dengan mengkaji hadith-hadith yang terdapat dalam tafsir *Marāḥ Labīd*.

#### **5. Skop dan Batasan Kajian**

Skop kajian ini akan tertumpu kepada objek-objek yang berikut:

- a. Menjelaskan kedudukan hadith dalam mentafsirkan al-Qur`an.
- b. Mendedahkan biografi Syeikh Nawawi yang mencakupi situasi sosial kemasyarakatan pada masa kehidupan dan keperibadian beliau, guru-guru dan murid-muridnya, sumbangsan dan hasil karya,
- c. Menghuraikan perkembangan penulisan karya tafsir di Indonesia semenjak masuknya Islam sehingga abad ke-19 M, dan memperkenalkan tafsir *Marāḥ Labīd*, yang mencakupi nama dan maksud kitab, sejarah penulisan, tempat dan masa penulisan, rujukan utama, dan penilaian tokoh atasnya.
- d. Menjelaskan bentuk-bentuk penukilan riwayat dan hadith dalam tafsir *Marāḥ Labīd* dan metode yang penulis gunakan dalam mentakhrij dan menganalisis hadith.
- e. Mentakhrij dan menganalisis hadith-hadith yang terdapat dalam tafsir surah al-Baqarah daripada kitab *Marāḥ Labīd*. Dalam hal ini, penulis hanya menumpukan

kajian kepada hadith-hadith yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w., maka *āthār* sahabat dan tabi'in tidak termasuk dalam skop kajian ini.

## 6. Huraian Istilah-Istilah

Tajuk penyelidikan ini ialah "*Kajian Hadith Dalam Kitab Tafsir Marāḥ Labīd Karya Syeikh Nawawi al-Bantānī: Tumpuan Kepada Surah al-Baqarah*". Penulis menghuraikan beberapa istilah penting yang terdapat dalam tajuk ini.

### 6.1 Kajian

Kajian membawa makna kegiatan menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci supaya benar-benar mengetahui sesuatu, atau dapat membuat keputusan.<sup>2</sup> Dengan demikian, kajian dapat diertikan sebagai kegiatan menyelidik suatu perkara tertentu dengan mendalam supaya dapat mengetahui hakikatnya dan dapat membuat keputusan atau rumusan mengenai perkara tertentu. Kajian dalam disertasi ini akan menitik beratkan pada takhrij dan analisis hadith.

### 6.2 Hadith

Hadith menurut bahasa berasal dari perkataan (حَدِثٌ) yang membawa maksud baru lawan dari lama (*qadīm*), perkhabaran, perbualan dan cerita. Jamaknya ialah (أَحَادِيثٌ) iaitu jamak yang tidak berkias.<sup>3</sup>

Perkataan *al-ḥadīth* yang bermakna perkhabaran terdapat dalam *al-Qur`ān* ialah firman Allah s.w.t.:

وَأَمَّا بِنْعَمَةِ رَبِّكَ فَخَذُّ

Maksudnya: *Dan terhadap nikmat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya (dengan bersyukur).*

(Sūrah al-Duḥā [93]: 11)

<sup>2</sup> Hajah Noresah bt. Baharom (2005), *Kamus Dewan*, edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 657.

<sup>3</sup> Muḥammad bin Mukram bin Manzūr (t.t), *Lisān 'Arab*, j. 2, Kaherah: Dār al-Ma'arif, h. 797.

Manakala menurut istilah ialah segala sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. daripada percakapan, perbuatan, ikrar (pengakuan), sifat, sama ada sifat fizik atau akhlak; sirah dan peperangan, sama ada yang berlaku sebelum dilantik menjadi Rasul seperti *taḥannuth* iaitu ibadah yang dilakukan Rasulullah s.a.w. di Gua Hira` atau sesudah dilantik menjadi Rasul.<sup>4</sup>

Hadith dalam pengertian ini menurut jumhur *muḥaddithīn* adalah sinonim dengan sunnah, namun begitu, sesetengah dari mereka cenderung membezakan hadith daripada sunnah. Hadith menurut mereka ialah apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. manakala sunnah ialah perbuatan atau amalan yang *ma'thūr* pada zaman awal Islam.<sup>5</sup>

Hadith juga menurut kebanyakan ulama merangkumi segala apa yang disandarkan kepada Sahabat dan Tabi'in, ini termasuklah apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. (*marfū'*) atau yang disandarkan kepada sahabat (*mawqūf*) atau yang disandarkan kepada tabiin (*maqtū'*). Oleh itu, definisi Hadith yang dipilih oleh Dr. Nur al-Dīn 'Itr ialah: "segala sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. daripada perkataan, perbuatan, *taqrīr* (pengakuan), ataupun sifat sama ada sifat fizik atau sifat akhlak, serta yang disandarkan kepada Sahabat dan Tabi'in."<sup>6</sup> Namun dalam kajian ini penulis akan menitik beratkan kepada hadith-hadith yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. sahaja.

<sup>4</sup> M. Muḥammad Abū Zahw (1984) *al-Hadīth wa al-Muḥaddithīn*, c. 2 Riyāḍ: al-Riāṣah al-'Ammah li Idārāt al-Buhūth al-Ilmiyyah, h. 10.

<sup>5</sup> Dr. Muḥammad 'Ājjāj al-Khatīb (1998), *Uṣūl al-Hadīth, 'Ulūmuh wa Muṣṭalaḥatuh*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 18-19. lihat: Dr. Muṣṭafā al-Sibā'i (2000), *al-Sunnah wa Makānatuh fi al-Tasyrī al-Islāmī*, c. 1, Kaherah: Dār al-Warrāq, h. 65.

<sup>6</sup> Dr. Nūr al-Dīn 'Itr (1988), *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Hadīth*, c. 3, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 27.

### 6.3 Tafsir *Marāḥ Labīd*

**Tafsir** menurut bahasa ialah berasal daripada perkataan (فسر – يفسّر - تفسير) yang membawa maksud menjelaskan dan menyingkap maksud yang dikehendaki daripada suatu perkataan yang rumit.<sup>7</sup>

Manakala menurut istilah tafsir ialah suatu ilmu untuk memahami al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan menerangkan makna-maknanya serta mengistinbatkan hukum-hakam dan hikmah-hikmahnya.<sup>8</sup>

**Marāḥ Labīd** dari sudut bahasa adalah susunan kata bahasa arab yang terdiri daripada dua perkataan: (مراح) (مراح) (لبيد) (لبيد). Dalam *Kamus al-Munawwir* (مرح) (مراح) berasal dari

kata berasal dari kata (روح) (روح) (راجح) (راجح) yang bermakna datang atau pergi di waktu petang.<sup>9</sup> Kata *Marāḥ* adalah kata benda yang menunjukkan kepada tempat atau *isim makān* dari kata tersebut, jadi dapat diertikan sebagai suatu tempat peristirahatan bagi orang-orang yang datang dan pergi. Pengertian yang sama diungkapkan oleh Hans Wehr dalam *A Dictionary of Modern Written Arabic*, di sini ia mengertikan *Marāḥ* adalah *place visited in the evening* (suatu tempat yang dikunjungi di waktu petang).<sup>10</sup>

Sedangkan *Labīd* berasal daripada kata (لبد) (لبد) (يلبد) (يلبد) yang membawa erti mendiami atau menjaga serta mengelilingi.<sup>11</sup> Pengertian ini lebih menegaskan lagi erti daripada kata *marāḥ* di atas. Dari analisa bahasa ini dapat dikesan semangat di sebalik

<sup>7</sup> Muḥammad bin Mukram bin Manzūr (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 3412

<sup>8</sup> Manna' al-Qaṭṭān (2000), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'añ*, cet. 11, Kaherah: Maktabah Wahbah h. 317.

<sup>9</sup> Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus al-Munawwir*, cet.2, Surabaya: Pustaka Progressif, h. 544

<sup>10</sup> Hans Wehr (1976), *A Dictionary of Modern Written Arabic*, cet. 3, New York: Spoken Language Services Inc., h. 365.

<sup>11</sup> Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1248.

penulisan tafsir ini, pengarang hendak menjadikan tafsirnya sebagai tempat rujukan yang menyenangkan bagi umat Islam.

#### 6.4 Surah al-Baqarah.

**Surah** menurut bahasa ialah tersusun rapi (*al-murattabah*), kerana ayat-ayat al-Qur`an tersusun rapi dan sesuai dalam setiap surah. Dikatakan juga bahawa surah ialah bermakna tinggi. Dipanggil surah kerana ketinggiannya dan ketinggian derajat bagi yang membacanya.<sup>12</sup> Dalam al-Qur`an Allah s.w.t. berfirman:

إِذْ تَسْوِرُوا الْمَحْرَابَ

Maksudnya: *Ketika mereka memanjat tembok tempat ibadah.*  
(Sūrah Shād [38]: 21)

Manakala menurut istilah, **Surah** ialah: kumpulan daripada ayat-ayat al-Qur`an yang mempunyai pembukaan dan penutup.<sup>13</sup> adapun **al-Baqarah** maknanya lembu.<sup>14</sup> surah al-Baqarah bermakna surah lembu, yang diambil dari kisah penyembelihan lembu yang dilakukan oleh Bani Isra`il dalam surah ini. Ia merupakan unit al-Qur`an terpanjang, terdiri daripada 286 ayat, dan surah urutan yang kedua selepas surah al-Fatihah.

#### 7. Kajian Lepas (Literatur Review)

Studi tentang Syeikh Nawawi al-Bantāñī banyak dilakukan oleh beberapa peneliti, tetapi umumnya lebih banyak mengungkap riwayat hidup dan aktiviti keilmuannya sahaja. Sepanjang pengetahuan penulis belum banyak yang beranjak ke bidang lebih khusus ke perbahasan tentang sumbangannya di bidang ilmu tertentu secara mendalam, hanya sahaja dapat dijumpai beberapa karya penelitian dalam bentuk

<sup>12</sup> Al-Imām Badr al-Dīn Muḥammad bin 'Abdullah al-Zarkashī (t.t.), *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur`ān*, j. 1, Kaherah: Dār al-Turāth, h. 264.

<sup>13</sup> Mannā' al-Qaṭṭān (2000), *op.cit.*, h. 133.

<sup>14</sup> Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 99

tesis dan disertasi yang mencuba mengungkap kecenderungan beberapa disiplin intelektualnya, di antaranya ialah:

Asnawi dalam karya disertasinya di IAIN (sekarang UIN) Syarif Hidayatullah yang bertajuk “*Pemahaman Syeikh Nawawi Tentang Ayat Qadar dan Jabbar dalam Kitab Tafsirnya Marāḥ Labīd*”. Asnawi hanya memfokuskan kajiannya dalam aspek pentafsiran teologisnya di mana dalam mentafsirkan ayat-ayat teologis, Nawawi terpengaruh oleh gaya pentafsiran mu’tazilah yang rasional kerana rujukan tafsir yang dipakai sebahagian besar tafsir *bi al-Ra’yi* yang sedikit sebanyak dipengaruhi oleh Mu’tazilah, demikian kata Asnawi.<sup>15</sup>

Demikian halnya dengan kajian yang dibuat oleh Tihami yang bertajuk, “*Pemikiran Fiqh al-Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantānī*”, sebuah Disertasi di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 1999. dalam kajiannya Tihami berfokus dalam aspek aliran fiqh Syeikh Nawawi al-Bantānī. Ia berkesimpulan bahawa sebagai mujtahid Mazhab, Nawawi konsisten dengan metodologi Fiqh Imam Syafi’i.<sup>16</sup>

Ada kajian komprehensif terhadap kitab Tafsir *Marāḥ Labīd* yang dilakukan oleh Mustamin Muhammad Arsyad dalam tesis doktorinya di Universiti al-Azhar pada tahun 2004, bertajuk “*al-Syeikh Muhammad Nawawī al-Jāwī wa Juhūduh fī Tafsīr al-Qur`ān al-Karīm fī Kitābih al-Tafsīr al-Munīr li Ma’ālim al-Tanzīl*”. Disana Mustamin mengupas aspek keseriusan Nawawi dalam menulis karya tafsirnya. Dia membuktikannya berbagai aspek dari mulai metodologi, teologi, fiqh, tasawufnya.

---

<sup>15</sup> Ahmad Asnawi (1989) *Pemahaman Syeikh Nawawi Tentang Ayat Qadar dan Jabbar dalam Kitab Tafsirnya Marāḥ Labīd*: suatu studi teologi, Disertasi Pascasarjana IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

<sup>16</sup> Lihat Tihami (1999) *Pemikiran Fiqh al-Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantani*, Disertasi Pascasarjana IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

Namun ia sama sekali tidak mengkaji hadith-hadith yang terdapat di dalam tafsir tersebut.<sup>17</sup>

Satu Disertasi di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1998 yang dihasilkan oleh Atabik Luthfi yang bertajuk "*Metodologi kitab (Tafsīr al-Munīr) satu kajian menurut perspektif ilmu tafsir dan ilmu al-Qur`ān*". Dari kajian tersebut didapati beberapa kesimpulan, di antaranya: pertama, kitab *tafsīr al-Munīr* merangkumi pelbagai perbahasan ilmu-ilmu Islam bersesuaian dengan perbahasan kitab-kitab tafsir yang menjadi rujukan. Kedua, kitab tafsir ini lebih memberi penekanan kepada aspek bahasa (*tafsīr bayāni*), akidah (ilmu kalam), dan sufisme. Ketiga, metode yang ditempuh merupakan gabungan tiga metode tafsir iaitu metod *al-athāri*, *al-ra'yi*, dan *al-isyāri*. Keempat, sikap Nawawi yang kurang memberi perhatian berkenaan dengan riwayat mengurangi nilai ilmiah yang terkandung di dalamnya. Disertasi ini juga tidak menyentuh kajian hadith secara terperinci.<sup>18</sup>

Mamat S. Burhanuddin dalam bukunya yang berjudul, "*Hermeneutik al-Qur`an Ala Pesantren: Analisa terhadap Tafsir Marāḥ Labīd karya K.H. Nawawi Banten*". Buku ini berasal dari tesis doktornya di UIN Jakarta pada tahun 2003, yang berjudul: *Hermeneutika al-Qur`an di Indonesia: Suatu Kajian terhadap Kitab Tafsir al-Munir Karya K.H. Nawawi Banten*.

Dari hasil penelitiannya ia berkesimpulan bahawa konsep hermeneutika Nawawi cenderung mengarah kepada upaya memahami teks ayat al-Qur`an yang sedikit sebanyak dipengaruhi pandangan beliau sendiri yang sederhana, intelek yang tengah merespons perkembangan zaman, seorang mujaddid yang tidak menafikan ulama salaf dan seorang yang kecewa dengan situasi politik di tanah airnya. Hermenutika Nawawi

<sup>17</sup> Tesis ini dinukilkan dari kajian yang dibuat oleh Mamat S. Burhanuddin dalam bukunya: *Hermeneutik al-Qur`ān Ala Pesantren: analisa terhadap Tafsir Marāḥ Labīd karya K.H. Nawawi Banten*.

<sup>18</sup> Atabik Luthfi (1998) *Metodologi kitab (Tafsīr al-Munīr) satu kajian menurut perspektif ilmu tafsir dan ilmu al-Qur`ān*, Disertasi Master Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

telah menempatkan al-Qur`an sebagai teks terbuka yang siap berdialog dengan konteks masyarakat pembaca sehingga bermakna bagi umatnya. Tesis ini pun tidak menyentuh sama sekali kajian terhadap hadith-hadith dalam tafsir *Marāḥ Labīd*.<sup>19</sup>

Manakala dari segi kajian terhadap hadith dalam sebuah tafsir, penulis dapat beberapa tesis dan disertasi yang telah dihasilkan oleh para peneliti. Sebagai contoh, di peringkat Doktor Falsafah Universiti Malaya pada tahun 2004, Romlah Abu Bakar Askar telah menghasilkan kajian bertajuk "*Hadith al-Imām al-Baghawī Dalam Tafsir Ma'ālim al-Tanzīl: Kajian Khusus Tentang Surah al-Fātiḥah dan al-Baqarah*". Tesis setebal 578 halaman ini mengandungi perbincangan tentang riwayat hidup al-Imām al-Baghawī, kemudian metodologi al-Baghawī dalam mentafsirkan al-Qur`an, diikuti dengan metodologi beliau dalam meriwayatkan hadith dalam tafsirnya dan diakhiri dengan mengkaji sejumlah 216 hadith yang terdapat dalam al-Fātiḥah dan al-Baqarah daripada tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl*. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dijalankan oleh penulis, yang sedikit sebanyak dapat membantu penulis terutamanya dari segi metodologi mengkaji dan mentakhrij hadith-hadith.

Berdasarkan tinjauan tersebut di atas, penulis mendapati bahawa setakat ini tak seorang pun pengkaji yang mengkhususkan kajiannya dalam menganalisis dan mentakhrij hadith-hadith yang terdapat dalam tafsir *Marāḥ Labīd*. Sehingga penulis merasa perlu mengisi kekosongan tersebut dan mengkjinya demi mengenal pasti keautentikan tafsir *Marāḥ Labīd*, sebuah tafsir yang telah menjadi rujukan utama di berbagai pondok pesantren di Indonesia.

---

<sup>19</sup> Lihat Dr. Mamat S. Burhanuddin. M.Ag (2006), *Hermeneutik al-Qur`ān Ala Pesantren: analisa terhadap Tafsir Marāḥ Labīd karya K.H. Nawawi Banten*, Yogyakarta: UII Press.

## **8. Metodologi Kajian**

Dalam rangka menyempurnakan lagi kajian ilmiah ini, beberapa kaedah yang berasaskan metodologi penyelidikan terkini telah digunakan. Metode-metode tersebut ialah:

### **8.1 Kaedah pengumpulan data**

Metodologi kajian merupakan suatu perkara yang cukup penting dalam melaksanakan kajian dan penyelidikan, ini kerana ia merupakan metode bagi mengenal pasti dan meneliti jawapan daripada persoalan dan perbahasan yang dijalankan.

Dalam penyelidikan yang akan dilaksanakan ini, penulis akan menggunakan penyelidikan perpustakaan atau *library research* sebagai medan penyelidikan, iaitu bahan penyelidikan lebih banyak diperoleh daripada buku-buku atau bahan-bahan lain yang didapati di perpustakaan.

Perpustakaan yang menjadi tumpuan penulis untuk mendapatkan bahan di antaranya ialah: Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebahagiannya penulis kumpulkan melalui kitab-kitab atau bahan rujukan yang sudah pun berada dalam perpustakaan peribadi penulis.

Di dalam proses pengumpulan data, penulis akan menggunakan metode-metode berikut:

### **8.1.1 Metode Dokumentasi**

Metode Dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubung kait dengan masalah kajian. Metode ini diaplikasikan dalam keseluruhan bab kajian. Pengumpulan data dalam kajian ini lebih bersifat menggali bahan-bahan tertulis berkenaan dengan kajian ini. Ianya termasuk buku-buku, kajian-kajian ilmiah, kertas kerja persidangan, majalah-majalah, perisian hadith dan laman web yang berkaitan dengan kajian.

### **8.1.2 Metode Historis**

Metode Historis merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian. Metode ini digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan nilai sejarah, seperti: Keadaan masyarakat pada zaman Syeikh Nawawi al-Bantāñī dalam hal keagamaan, politik dan sosial, riwayat hidup beliau dan sumbangannya yang dicurahkan serta pengenalan karya tafsirnya. Secara keseluruhannya, metode ini banyak tertumpu dalam bab kedua dan ketiga.

## **8.2 Kaedah Analisis Data**

Penulis telah memilih beberapa metode yang tertentu untuk diaplikasikan berdasarkan kajian yang dibuat setelah berjaya mendapatkan semua data dan maklumat. Antara metodologi yang digunakan ialah:

### **8.2.1 Metode Kuantitatif**

Metodologi yang akan digunakan oleh penulis dalam mentakhrij hadith ialah metodologi kuantitatif. Kuantitatif berasal dari perkataan kuantiti iaitu merujuk kepada banyaknya, jumlah, atau bilangan sesuatu<sup>20</sup>. Penyelidikan kuantitatif ialah penyelidikan

---

<sup>20</sup> Hajah Noresah bt. Baharom (2005), *op. cit.*, h. 833

yang menggunakan data dalam bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula-formula yang tertentu. Hasil kajian sesebuah penyelidikan kuantitatif pula adalah dalam bentuk jadual, gambar rajah, dan perkiraan statistik.<sup>21</sup> Metodologi ini dipilih oleh penulis kerana kajian hadith ini juga memfokuskan kepada penentuan bilangan hadith-hadith yang terdapat dalam tafsir Surah al-Baqarah daripada kitab tafsir *Marāḥ Labīd*.

### **8.2.2 Metode Kualitatif.**

Kualitatif berasal dari perkataan kualiti iaitu merujuk kepada darjah kecemerlangan atau berkaitan dengan kualiti dan mutu.<sup>22</sup> Penyelidikan Kualitatif berfokuskan pada konteks di mana sesuatu itu berlaku. Dengan kata lain ia merupakan satu proses atau bagaimana suatu perkara itu berlaku dalam suatu suasana yang hendak dikaji. Metode ini digunakan untuk mengkaji suasana atau proses yang sukar diukur dengan nombor.<sup>23</sup>

Metodologi kualitatif ini akan digunakan oleh penulis untuk menganalisis suatu hadith dan mengkaji darjahnya. Dalam menentukan darjat suatu hadith, penulis akan mentakhrij hadith tersebut dan mengkaji sanadnya, penulis juga akan merujuk kepada kitab-kitab yang telah mensyarahkan hadith tersebut, begitu juga menggunakan kemudahan perisian hadith dan Internet.

## **9. Sistematika Penyusunan**

Penulis membahagikan kajian ini kepada empat bab, yang mencakupi pelbagai pasal dan tajuk-tajuk kecil. Bahagian pendahuluan memperkenalkan latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, skop

---

<sup>21</sup> Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, c. 1, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd. h. 15

<sup>22</sup> Hajah Noresah bt. Baharom (2005), *op. cit.*, h. 833.

<sup>23</sup> Sabhita Marican (2005), *op. cit.*, h. 11.

kajian, huraian istilah, kajian lepas (literature review), metodologi kajian dan sistematika penyusunan.

Bab pertama menjelaskan kedudukan hadith dalam tafsir al-Qur`an, perbahasan akan meliputi fungsi hadith dalam mentafsirkan al-Qur`an dan kadar ayat yang telah ditafsirkan oleh Rasulullah s.a.w.

Bab kedua akan memperkenalkan riwayat hidup syeikh Nawawi Banten, yang mencakupi nama, keturunan dan asal usul, situasi sosial politik pada masa al-Bantāñī, guru-guru dan murid-muridnya, sumbangan dan hasil karya.

Bab ketiga menghuraikan perkembangan penulisan karya tafsir di Indonesia semenjak masuknya Islam sehingga abad ke-19 M, dan memperkenalkan kitab *Marāḥ Labīd*, yang mencakupi nama dan maksud kitab, sejarah penulisan, tempat dan masa penulisan, rujukan utama tafsir *Marāḥ Labīd*, dan sambutan serta penilaian para tokoh atas tafsir *Marāḥ Labīd* dan pengarangnya.

Bab keempat memfokuskan kajian kepada hadith-hadith yang terdapat dalam tafsir *Marāḥ Labīd* dengan memberi tumpuan kepada surah al-Baqarah. Keseluruhan hadith tersebut akan disenaraikan dan kemudian ditakhrij serta dianalisis demi mengenal pasti statusnya. Sebelum daripada itu, penulis akan menjelaskan bentuk-bentuk pengutipan hadith dalam tafsir *Marāḥ Labīd* dan menyebutkan metode yang digunakan dalam mengkaji hadith.

Kajian diakhiri dengan bab kelima yang mengandungi kesimpulan dan rumusan keseluruhan kajian untuk melihat sejauh mana penelitian yang telah dijalankan memenuhi objektif kajian. Dalam bab ini juga dikemukakan cadangan-cadangan demi memartabatkan ulama Nusantara, mensosialisasikan karya ulama Nusantara dan untuk kajian yang perlu dibuat pada masa mendatang.